MBSJ
GEMILANG BERSAMA

# PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
## TARIKH: 22 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)

### LAIN-LAIN PBT

| BIL | AKHBAR | PBT | TAJUK |
|---|---|---|---|
| 1. | THE STAR | DBKL | • BUSINESSESS WANT DECADE-OLD FLASH FLOOD ISSUE IN KEPONG ADDRESSED |
| 2. | UTUSAN MALAYSIA | DBKL | • KUALA LUMPUR, BANDAR UNTUK SEMUA |

### UMUM

| BIL | AKHBAR | TAJUK |
|---|---|---|
| 1. | THE STAR | • AI COURSE PARTNERSHIP BOON FOR STATE'S TECH AMBITIONS<br>• ROUGH RIDE FOR RUBBISH TRUCKS |
| 2. | SINAR HARIAN | • SYOR NAIKKAN OPR KUKUH NILAI RINGGIT BUKAN LANGKAH SESUAI<br>• GAJI PERLU SEIRING KEPERLUAN, KEMAHIRAN<br>• TAK MUSTAHIL RM CATAT NILAI TERENDAH<br>• 100,000 DIJANGKA BANJIRI PMR |
| 3. | HARIAN METRO | • BELI RUMAH RM400,000<br>• RINGGIT LEMAH BUKAN FAKTOR PENGHIJRAHAN<br>• SELANGOR LAKSANA 564 PROJEK, PROGRAM PEMBANGUNAN<br>• KERJASAMA BANTERAS RASUAH APRM, JAN BAHARUI USAHA PERANGI RASUAH, TINGKAT TATAKELOLA AGENSI KERAJAAN |
| 4. | KOSMO | • LEBIH 100 TAPAK SAMPAH HARAM MASIH BEROPERASI DI SELANGOR<br>• HANYA 505 CARUM SKIM SURI RUMAH DI SELANGOR |
| 5. | BERITA HARIAN | • SYOR NAIKKAN OPR PERKUKUH NILAI RINGGIT TAK BANTU RAKYAT<br>• KPKT SASAR BINA 100 TAMAN REKREASI MADANI<br>• BERSAMA MEMBINA GAGASAN 100 TAHUN MALAYSIA MERDEKA<br>• TIDAK PERLU NAIKKAN OPR TANGANI KELEMAHAN RINGGIT |
| 6. | UTUSAN MALAYSIA | • RINGGIT: DPMM MAHU TAHU APA RANCANGAN KERAJAAN<br>• DIARAH PULIH TAPAK LUPUS SAMPAH<br>• PROGRAM MADANI RAKYAT ZON TENGAH USAHA DEKATI RAKYAT |
| 7. | THE SUN | • INSTALLATION OF HOME SOLAR PANELS ON THE RISE<br>• JOINT EFFORT TO COMBAT CORRUPTION<br>• RM3.4 BILLION SELANGOR PROJECTS TO BE IMPLEMENTED THIS YEAR<br>• COST-SAVING WAYS TO KEEP COOL<br>• FOSTERING POSITIVE WORKPLACE CULTURE |

# Businesses want decade-old flash flood issue in Kepong addressed

By CY LEE
chenyoong@thestar.com.my

FOR more than 10 years, business owners at TSI Business & Industrial Park in Kepong, Kuala Lumpur, have had to deal with flash floods.

Earlier this month, a round of flash floods saw owners and workers scrambling to prevent water entering their premises.

"It was like rescuing a sinking ship," said biscuit shop owner Lisa Wong.

"The water came up to just below our knees and entered from the front and rear of our lots along Jalan 12/32b.

"We have been here for over 20 years, and it has just been getting worse.

"Each time it rains, we worry we have to rush back and save our goods," she said.

She added that in the past six months, there had been over 10 flash flooding incidents.

Wong said that even after spending some RM30,000 over the years to raise the front entrance, build a small bund at the rear and erect platforms in the warehouse to put inventory on higher ground, the floods were unpredictable and could still cause damage.

"If not for reimbursement from insurance companies, we would have lost well over RM10,000 in damaged goods.

"There is also the hassle we have to put up with when making a claim," she added.

Local community activist Yee Poh Ping claimed that the problem had become worse because of overdevelopment in neighbouring areas like Segambut.

"The entire industrial area was designed for a different era and could not have taken into account the current landscape of the area," he said.

Yee said the drainage system was also outdated and clogged up easily.



Drainage outlet that channels water onto Jalan 12/32b. — AINA AMIRAH/The Star

"Some drains contain stagnant water and simply cannot cope with the flow during a downpour.

"Additionally, a nearby warehouse has created a drainage outlet which channels even more water onto Jalan 12/32b instead of an existing drain that leads to Sungai Keroh," he added.

Yee said he had raised the matter with Kuala Lumpur City Hall (DBKL)'s Engineering and Building Control Department to come up with a long-term solution for the area.

"One thing that should be done is to deepen and widen drains in the area.

"For now, Alam Flora should assist business owners here by clearing clogged drains.

"This is crucial as the drains are not able to cope during a downpour," he said.

DBKL had yet to respond at press time.

THE STAR
22 FEB 2024
Tarikh:

By GRACE CHEN
gracechen@thestar.com.my

# AI course partnership boon for state's tech ambitions

## S'gor hopes to nurture talents in data analytics, machine learning



Amiruddin (seated centre) posing with the graduates. With them are (seated from left) The Hive Southeast Asia managing partner Datuk Syed Haizam Jamalullail, Ng, Yong and YTL Power International director Yeoh Keong Yeen. — KK SHAM/The Star

A TOTAL of 31 final-year degree students graduated from a course aimed at giving them intensive training in data analytics and machine learning.

The AI Nusantara programme at Universiti Selangor (Unisel) in Kuala Selangor was taught by Selangor Digital School (SDS).

It is a collaboration between Selangor Information Technology and Digital Economy Cooperation (Sidec), which is a subsidiary of Invest Selangor Bhd, and The Hive Southeast Asia, which offers early-stage financing for start-ups.

The month-long programme came with internship placements with 105 leading tech companies that have agreed to cooperate with Sidec and SDS.

One of the students at the graduation ceremony held at I-City in Shah Alam was Unisel computer science (industrial computing) student Aleeya Umairah Mohd Isa, 21.

She said the AI Nusantara programme exposed her to apps used by consumers on a daily basis.

"It helped me learn beyond classroom walls," she said.

Currently serving her internship at a smart home solution and security company, Aleeya said she hoped to reach the level of the company's top programmer who could not only write software but create new products as well.

Another graduate, Unisel information technology student Mas Nor Zalia Elisa Mat Zahid, 21, said she signed up for the free programme as she viewed it as an opportunity to get a jump start in the job market.

Guests of honour at the ceremony were Selangor Mentri Besar Datuk Seri Amirudin Shari and state investment, trade and mobility committee chairman Ng Sze Han.

Also present was Sidec chief executive officer Yong Kai Ping, who said SDS aimed to nurture 600 talents this year.

"The programme is designed to address the shortage of workforce in the artificial intelligence (AI) field, particularly in digital marketing and prompt engineering.

"Our goal is to see these students working in leading tech companies and not end up in other fields," said Yong.

Ng, in his speech, said the programme was helping to create a tech-savvy workforce that would be much needed in smart cities.

Amirudin, who presented certificates to the graduates, said the programme was a step in the right direction towards Selangor developing its own technology hub with an aim to providing the private sector with a capable workforce.

A memorandum of understanding stipulating the credits of cloud services between YTL Power International Bhd and SDS was also handed over during the ceremony.

> "The programme is designed to address the shortage of workforce in the artificial intelligence (AI) field, particularly in digital marketing and prompt engineering."
>
> Yong Kai Ping

THE STAR
22 FEB 2024
Tarikh:

# Rough ride for rubbish trucks

## Drivers urge JKR to fix potholed road to Tanjung Duabelas landfill in Kuala Langat

By GRACE CHEN
gracechen@thestar.com.my

RUBBISH truck drivers who use Jalan Langat Lestari to get to Tanjung Duabelas Sanitary Landfill in Kuala Langat, Selangor, are urging Public Works Department (JKR) to address poor road conditions along a 11km stretch.

They claim the road is filled with numerous craters and potholes, which makes it difficult to navigate on rainy days, while in the dry season, visibility is affected by clouds of dust.

Safety is also a concern as drivers have seen heavy vehicles tipping over after hitting a deep pothole.

Private rubbish disposal contractor Mohamad Rafik Ibrahim, 29, who has been using this route for six years, said road conditions started deteriorating in October last year when lorries carrying sand for the construction of an industrial park began using the road.

"Because of the bumpy ride, I am beginning to experience backaches.

"My vehicle repairs have also become more frequent.

"My vehicle's leaf spring suspension cracked and a replacement cost me RM3,000.

"Another time, my fuel tank sprang a leak after it was hit by a loose stone and I had to pay a welder RM150 to patch it up," said Mohamad Rafik.

He said these repairs ate into his already limited income.

"I can only make RM30 per trip (from Teluk Panglima Garang to the landfill) on my two-tonne lorry," he added.



Rubbish trucks have to navigate a stretch of Jalan Langat Lestari that is in poor condition, to reach Tanjung Duabelas Sanitary Landfill in Kuala Langat. — KK SHAM/The Star



Nor Haszma: About 1,000 vehicles use this route to the landfill daily.



Mohd Azemy: Punctures are a common problem for road users.

Compactor lorry driver Mohd Azemy Mansur, 46, who has been using the route for a year, said punctured tyres were a common problem for road users there.

He has also heard about more serious problems with older vehicles.

"If a permanent solution is not possible in the near future, JKR should at least patch up the potholes first," he said.

He added that although Jalan Langat Lestari might be in a rural area, it was the sole route to the sanitary landfill.

"If our trucks are damaged because of poor road conditions, it is going to affect rubbish collection and in the end, it will be the taxpayers who suffer," said Mohd Azemy.

Worldwide Holdings Bhd landfill operation head Nor Haszma Mohd Hashim, 41, said he had met with JKR twice over the problem.

He explained that 3km of the road came under the purview of Worldwide, the company that owned the Tanjung Duabelas Sanitary Landfill, while the remaining 8km stretch was under JKR.

He added that about 1,000 heavy vehicles used this route daily.

According to Nor Haszma, JKR had, during the meetings, said a new access road would be built and in the meantime, maintenance would be carried out.

However, construction had been delayed for the past two years.

"Our employees park about a kilometre from the road entrance and take a four-wheel-drive (4WD) vehicle in.

"This was implemented after we started getting emergency calls from our staff who were stuck halfway after their vehicles broke down or because the road had flooded after heavy rain," said Nor Haszma.

He worried that rubbish contractors might use the poor road conditions as an excuse to dispose waste at an illegal dumpsite.

When contacted, JKR said it was aware of the situation but did not comment on the issue at press time.

THE STAR
Tarikh: 22 FEB 2024

# Syor naikkan OPR kukuh nilai ringgit bukan langkah sesuai

SH 22/2

**PUTRAJAYA** - Sebarang cadangan menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) bertujuan memperkukuhkan nilai mata wang negara merupakan langkah yang tidak sesuai ketika ini kerana akan memberi kesan kepada rakyat, kata Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil.

"Saya ambil maklum ada sesetengah pihak beri komen, saya tidak pasti sama ada pihak tertentu ini mahu Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan OPR. Saya jangka itu bukan satu perkara yang akan membantu rakyat pada waktu ini.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) cakna mengenai perkara ini dan saya rasa itu bukan langkah baik pada waktu ini. Apa pun BNM yang akan putuskan," katanya yang juga jurucakap Kerajaan Perpaduan.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar pasca Mesyuarat Kabinet di Kementerian Komunikasi di sini pada Rabu.

Menurut Fahmi, penjelasan mengenai prestasi ringgit telah diberikan oleh Gabenor BNM, Datuk Abdul Rasheed Ghaffour pada Selasa dan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan baru-baru ini. - *Bernama*

SINAR HARIAN
Tarikh: 22 FEB 2024

# Gaji perlu seiring keperluan, kemahiran

SH 22/2

## Penetapan gaji permulaan jurutera babit pelbagai faktor

Oleh DIANA AZIS
SHAH ALAM

Penetapan kadar gaji permulaan kompetitif mampu mewujudkan trajektori laluan kerjaya dan keupayaan jurutera tempatan, sekali gus membendung penghijrahan tenaga mahir itu ke luar negara.

Sehubungan itu, Presiden Institusi Jurutera Malaysia (IEM), Profesor Dr Norlida Buniyamin menyarankan pihak berkepentingan meningkatkan keupayaan syarikat bagi menggaji jurutera berpandukan pasaran semasa.

"IEM ada menjalankan tinjauan pasaran berkala terhadap 50,000 ahli bertujuan menyediakan data yang boleh dijadikan rujukan bagi merumuskan prosedur penetapan gaji permulaan jurutera baharu kerana melibatkan pelbagai faktor.

"Di samping itu, kajian ini turut menjadi aspek penting meramal potensi peningkatan pendapatan jurutera pada masa akan datang.

"Nilai jurutera tempatan perlu seiring keperluan kemahiran termasuk pengalaman, pembabitan dalam projek, pengkhususan industri dan keseluruhan sumbangan terhadap matlamat organisasi," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Sebelum ini, media melaporkan majikan disaran menawarkan gaji lebih tinggi dan lumayan yang setimpal latar belakang kemahiran serta pendidikan sebagai langkah membendung penghijrahan bakat tempatan ke luar negara.



NORLIDA

Dalam pada itu, Norlida berpendapat, penghijrahan jurutera tempatan bukan kebimbangan bagi profesion berkenaan ekoran turut melibatkan pelbagai pasaran kerjaya.

Ujarnya, pengurusan tawaran dan permintaan berkesan mampu memastikan kemahiran jurutera sesuai dengan keperluan industri.

"Perkembangan teknologi di negara ini antara lain membolehkan syarikat tempatan dan antarabangsa menawarkan pampasan kompetitif di peringkat global selain meningkatkan tahap relevansi pasaran jurutera," katanya.

SINAR HARIAN
Tarikh: 22 FEB 2024

# Tak mustahil RM catat nilai terendah

SH 22/2

## Mungkin akan lebih rendah daripada RM4.885 berbanding dolar AS seperti krisis kewangan 1998

**Oleh NURUL NABILA AHMAD HALIMY**
**SHAH ALAM**

Terdapat kemungkinan untuk Ringgit Malaysia (RM) mencatat nilai lebih rendah daripada krisis kewangan Asia 1998 iaitu RM4.885 berbanding setiap dolar Amerika Syarikat (AS).

Pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Madya Dr Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali malah berkata, nilai ringgit mungkin akan kekal meningkat sekiranya ia telah melepasi paras puncak iaitu RM4.885 pada tahun 1998 yang dipanggil sebagai *uncharted territory*.

"Terdapat dua kemungkinan yang bakal terjadi pada ringgit sama ada kekal meningkat atau turun semula selepas mencecah nilai tertinggi.

"Sekiranya nilai ringgit lebih tinggi dari RM4.885 (semasa krisis kewangan Asia 1998), ringgit akan mengalami satu situasi yang dipanggil *uncharted territory* iaitu kawasan yang belum pernah dicartakan.



NURADLI

PREMIUM
Sinar
Eksklusif dan Kritis

"Situasi ini yang membimbangkan dan bahaya kerana belum ada pergerakan sejarah sebelumnya. Apabila keadaan ini terjadi, tidak mustahil nilai ringgit akan kekal rendah berbanding dolar AS," katanya kepada *Sinar Premium*.

Nuradli menjelaskan, tidak dinafikan bahawa nilai ringgit pada hari ini sudah sampai paras semasa krisis kewangan Asia 1998 biarpun jumlahnya belum mencecah RM4.885.

"Ringgit boleh mengukuh atau melemah bergantung kepada pergerakan pasaran iaitu permintaan dan penawaran, kadar faedah dan inflasi.

"Mengikut data, nilai ringgit sudah hampir tiga kali memasuki area krisis kewangan Asia 1998, sekitar tahun 2014-2016 dan kini kita memang sudah sampai ke tahap itu dengan nilai RM4.787 untuk setiap dolar AS.

"Berdasarkan analisis teknikal, situasi ringgit boleh menjadi *double top* iaitu satu corak yang mana apabila ringgit mencecah paras puncak sehingga RM4.885 seperti tahun 1998, nilainya akan jatuh dan kemudiannya mata wang negara akan kembali menguat," jelasnya.



Kali terakhir paras ringgit terendah dicatatkan ialah pada tahun 1998 apabila krisis kewangan Asia menjejaskan mata wang serantau dengan RM4.885 setiap dolar AS.

Terdahulu, mata wang tempatan merekodkan prestasi lemah setakat jam 9 pagi Selasa dengan ringgit berkurangan kepada 4.787/7930 berbanding dolar AS daripada 4.785/7890 semasa ditutup pada Isnin.

Kali terakhir paras ringgit terendah dicatatkan pada 1998 apabila krisis kewangan Asia menjejaskan mata wang serantau dengan RM4.885 setiap dolar AS.

Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Rasheed Ghaffour menegaskan, beberapa faktor luaran termasuk pelarasan pasaran kepada perubahan jangkaan kadar faedah AS, kebimbangan geopolitik dan ketidakpastian prospek ekonomi China mempengaruhi prestasi semasa ringgit.

Mengulas tentang cara untuk meningkatkan kembali nilai ringgit tanpa bergantung pada faktor luaran, Nuradli berkata, Malaysia perlu merangka strategi dalam meningkatkan pendapatan domestik.

"Bila ringgit naik, kos import akan menjadi lebih tinggi. Untuk menyelesaikan masalah ini, kita harus lihat bagaimana hendak meningkatkan pendapatan dari dalam negara.

"Contohnya, Malaysia boleh mengurangkan import luar negara dengan menyediakan keperluan asas seperti daging. Strategi bijak perlu diatur untuk meningkatkan produktiviti negara dan mengurangkan kebergantungan kepada barangan makanan import," tambahnya.

SINAR HARIAN
Tarikh: 22 FEB 2024

SH 22/2

# 100,000 dijangka banjiri PMR

PROGRAM MADANI RAKYAT 2024 ZON TENGAH

## Program selama tiga hari, sarat aktiviti menarik

Oleh NURHIDAYAH HAIROM
PUTRAJAYA





ZURIHANMI

Petugas giat membuat persiapan PMR 2024 Zon Tengah di Kompleks Sukan Kuala Selangor yang bakal berlangsung pada 23 hingga 25 Februari ini.

Seramai 100,000 pengunjung dijangka membanjiri Kompleks Sukan Kuala Selangor untuk memeriahkan Program MADANI Rakyat (PMR) Zon Tengah yang berlangsung selama tiga hari bermula pada Jumaat ini.

PMR dianjurkan Pejabat Perdana Menteri (PMO) melalui Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) bersama kementerian peneraju iaitu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta kerajaan negeri Selangor.

PMR Zon Tengah merangkumi negeri Selangor, Perak, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang mana ia merupakan kesinambungan Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI yang diadakan di Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada Disember lalu.

Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani KPKM, Zurihanmi Zakariya berkata, pihaknya menyasarkan kehadiran 100,000 pengunjung hadir sepanjang tiga hari itu memandangkan ia merupakan julung kali diadakan.

Menurutnya, lokasi di Kuala Selangor dipilih selari dengan fokus utama penganjuran program iaitu berkenaan pertanian dan keterjaminan makanan.

"Jadi, kita bawakan PMR ini di kawasan-kawasan di mana lokaliti pertanian itu berada. Melalui PMR, kita bawa semua perkhidmatan kerajaan kepada golongan petani, nelayan, penternak dan masyarakat setempat di sekitar Kuala Selangor dan kawasan Zon Tengah

"Masyarakat boleh melihat hala tuju baharu kementerian dalam aspek pertanian yang mana kita akan membawa elemen-elemen berkenaan teknologi dalam tanaman bawang, nanas, herba dan sebagainya," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di sini pada Rabu.

### Perkhidmatan terus

Pada masa sama, Zurihanmi menjelaskan, PMR Zon Tengah memfokuskan perkhidmatan secara terus kepada rakyat dengan lebih 160 jenis perkhidmatan daripada pelbagai agensi kerajaan.

"Tiada sebarang sekatan dan tidak memerlukan temu janji. Jadi rakyat dapat terus bertemu muka dengan pegawai bertugas untuk menyelesaikan permasalahan mereka.

"Lebih 160 perkhidmatan ini mewakili seluruh perkhidmatan yang ada di bawah jentera kerajaan termasuk semakan bantuan RAHMAH, diskaun saman dan sebagainya.

"Pendek kata, orang ramai perlu hadir, insya-ALLAH apa yang mereka perlukan nanti akan ada di sana," jelasnya lagi.




### Pavilion khas KPKM

Tambah beliau lagi, satu pavilion khas KPKM juga disediakan dengan pelbagai pengisian, perkhidmatan dan aktiviti yang boleh dimanfaatkan pengunjung.

Katanya, ia meliputi pelbagai elemen termasuk teknologi padi, teknologi veterinar serta pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"Kelainan yang dibawa di Kuala Selangor ini, kita akan ada reruai untuk bancian pertanian selain daripada elemen-elemen berkaitan dengan *vertical farming* serta teknologi-teknologi dalam bidang pertanian seperti dron dan sebagainya," katanya.

> *Masyarakat boleh melihat hala tuju baharu kementerian dalam aspek pertanian yang mana kita akan bawa elemen-elemen berkenaan teknologi dalam tanaman bawang, nanas, herba dan sebagainya."*
>
> \- Zurihanmi

Mengulas lanjut, Zurihanmi berkata, sehingga kini, persiapan bagi acara tersebut mencapai 80 peratus dan kru bertugas juga telah bersiap sedia menerima pengunjung seawal jam 9 pagi pada hari pertama nanti.

Malah, katanya, orang ramai juga tidak perlu bimbang kerana terdapat kawasan parkir disediakan bersama kemudahan pengangkutan transit, bas untuk ke tapak program.

"Kawasan parkir kenderaan bukan hanya di sekitar kawasan Kompleks Sukan kuala Selangor tetapi juga ada beberapa tempat lagi yang telah dikenal pasti," katanya.

### Jualan barang keperluan

Ujarnya lagi, orang ramai juga tidak harus melepaskan peluang mendapatkan barangan keperluan melalui Jualan Agro Mega MADANI yang menawarkan harga jualan sehingga 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran.

"Kita juga menyediakan pameran di bawah Agrovet yang mana haiwan-haiwan ternakan seperti lembu sado, termasuk haiwan peliharaan lain. Tentunya ini akan jadi tarikan kepada kanak-kanak," katanya.

PMR Zon Tengah dijangka mencapai kemuncaknya apabila perasmian penutup akan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 25 Februari ini.

PMR Zon Tengah dibuka secara percuma kepada pengunjung seawal jam 9 pagi sehingga 10 malam pada 23 hingga 25 Februari ini.

### PROGRAM MADANI RAKYAT ZON TENGAH

**Program tumpuan KPKM:**
- Pameran Paddy Tech
- Pameran AgroPelancongan
- Pameran Fruit Valley
- Pameran TVET Pertanian
- Pameran AgroVet
- Teaser MAHA 2024
- Jualan Agro dan MADANI
- Pameran Akuakultur
- Agro Chef

**Program-program tumpuan lain:**
- Kaunter semakan / rayuan bagi Sumbangan Tunai RAHMAH (STR) & Sumbangan Asas RAHMAH (SARA).
- Kaunter inisiatif rebat bil elektrik oleh Sektor TENAGA.
- Semakan dan permohonan bantuan JKM.
- Kaunter pendaftaran dan semakan eKasih/ PDPS/ SejaTi MADANI.
- Kaunter bayaran kompaun saman trafik PDRM.
- Kaunter Perkhidmatan dan Bantuan Veteran ATM.
- Kaunter sistem Pangkalan Data Utama (PADU).
- Subuh macam Jumaat (Sabtu).
- Perlawanan persahabatan pilihan Menteri Besar Selangor menentang pilihan Menteri Besar Perak.
- Pameran aset pasukan keselamatan.
- Karnival Kerjaya.
- Kaunter semakan/ pendaftaran Program Skim Keselamatan Sosial.
- Suri Rumah (SKSSR) dan MySynergy.
- Bantuan Bina Baharu/ Baiki Rumah dan Usahawan Nano.
- Kaunter Semakan Program i-Suri dan Program i-Sayang.
- Skim Insurans Am Selangor (INSAN).
- Perumahan Mampu Milik (Rumah Selangorku).
- Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS).
- Klinik Usahawan Selangor.
- Promosi Saringan Selangor Kanser (SELCAN).
- Tahun Melawat Perak 2024.
- Lindung@PUJI Pendaftaran Residensi Wilayah dan Residensi MADANI.

SINAR HARIAN
Tarikh: 22 FEB 2024

# Bisnes



BERDASARKAN CSS H1 2024 dijalankan PropertyGuru Malaysia permintaan tinggi berterusan untuk perumahan mampu milik.

# BELI RUMAH RM400,000

***Golongan berpendapatan rendah, generasi muda rancang beli hartanah dalam tempoh dua tahun akan datang***

Kuala Lumpur

Golongan berpendapatan rendah dan generasi muda di Malaysia merancang untuk membeli rumah bernilai RM400,000 atau kurang dalam tempoh dua tahun akan datang.

Berdasarkan Kajian Sentimen Pengguna (CSS) H1 2024 yang dijalankan PropertyGuru Malaysia, ia mendedahkan bahawa 30 peratus responden merancang untuk membeli hartanah dalam tempoh dua tahun akan datang apabila 60 peratus daripada kumpulan ini mempertimbangkan untuk membeli rumah bernilai RM400,000 atau kurang.

Pengurus Negara, PropertyGuru Malaysia, Sheldon Fernandez berkata, kajian itu menyerlahkan permintaan tinggi berterusan untuk perumahan mampu milik, terutamanya dalam kalangan pekerja berpendapatan rendah dan keluarga muda.

"Bagaimanapun, adalah penting untuk diingat bahawa Pandangan Pasaran Hartanah Malaysia PropertyGuru 2024 menunjukkan penurunan suku kepada suku sebanyak 7.4 peratus dalam Indeks Permintaan Jualan pada Q4 2023.

"Ini menunjukkan bahawa walaupun niat untuk membeli ada, tetapi pelaksanaannya mungkin terjejas oleh pelbagai faktor seperti ketidakpastian ekonomi dan kenaikan kadar faedah," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, kajian itu juga menunjukkan 60 peratus responden bersetuju bahawa peningkatan kadar cukai perkhidmatan, seperti yang diperkenalkan dalam Belanjawan 2024, akan mempengaruhi kos pembelian hartanah.

"Ini akan menyebabkan pembeli menjadi lebih peka terhadap harga dan berhati-hati dalam keputusan pembelian mereka.

"Selain itu, harga yang tinggi telah mengalih minat pembeli ke arah pasaran sewa. Trend sewa telah mengekalkan permintaan yang kuat sepanjang 2023 dan dijangka meningkat dalam tempoh yang terdekat," katanya.

Katanya, selain kebimbangan kewangan, bakal pembeli rumah menyatakan kebimbangan mengenai kelewatan pembinaan projek (65 peratus) dan kualiti pembinaan rendah (64 peratus) apabila mempertimbangkan hartanah yang baru dilancarkan.

"Berdasarkan penemuan kajian, terdapat permintaan tinggi untuk hartanah bawah RM400,000.

"Ia memberi penekanan bahawa terdapat keperluan bagi pemaju melancarkan lebih banyak pilihan perumahan mampu milik yang disokong oleh insentif kerajaan.

"Selain itu, kerajaan perlu menilai semula skim-skim perumahan mampu milik sedia ada bagi meningkatkan keberkesanan mereka dan memastikan mereka lebih menarik dan mudah diakses," katanya.

HARIAN METRO
Tarikh: 22 FEB 2024

# Ringgit lemah bukan faktor penghijrahan

HM 22/2

**Kuala Lumpur:** Kelemahan ringgit berbanding mata wang negara lain ketika ini bukan satu-satunya faktor rakyat Malaysia berhijrah ke luar negara untuk mencari pekerjaan.

Pengarah Urusan, Jobstreet by SEEK Malaysia, Vic Sithasanan berkata, banyak faktor lain yang perlu diambil kira sebelum seseorang memutuskan untuk bekerja di luar negara.

"Malah untuk bekerja di Singapura pun, seseorang perlu mengambil kira banyak faktor seperti perlu berpindah bersama keluarga, mencari tempat tinggal baharu selain kos sara hidup yang tinggi di sana.

"Tidak bermaksud jika mata wang itu melemah, seseorang itu akan terus putuskan untuk berpindah mencari kerja di luar negara kerana ia tidak semudah itu.

"Kami tidak mempunyai data yang menyokong perkara ini di platform kami. Apa yang kami lihat bilangan calon bertambah dan melihat beberapa peningkatan jumlah pemohon di platform kami," katanya.

Beliau berkata demikian pada taklimat media mengenai masa depan landskap pekerjaan Malaysia dan transformasi Jobstreet Malaysia dengan SEEK, di sini, semalam.

Vic menambah, apabila sesebuah negara mempunyai mata wang yang semakin lemah, ia akan mempunyai lebih banyak pelaburan asing, bermakna lebih banyak peluang pekerjaan dalam pasaran.

"Jadi, sudah pasti ini adalah perkara yang baik untuk pencari kerja," katanya.

Mengulas mengenai tinjauan untuk 2024, Sithasanan berkata, pihaknya meramalkan peningkatan dalam bilangan pekerjaan di pasaran.

"Kami melihat terdapat jumlah peningkatan yang besar pada 2023 dan kami terus melihat momentum itu dibawa ke 2024.

"Terdapat banyak peluang dalam pasaran untuk pencari kerja. Kami melihat calon aktif memohon lebih banyak pekerjaan serta di platform kami. Nasihat saya kepada pencari kerja yang mempunyai banyak kriteria, jangan terlalu memilih kerja.

"Mula bina kerjaya dan diri anda untuk mencapai kedudukan diimpikan melalui peningkatan kemahiran diri, pelajari kemahiran baharu, menyesuaikan teknologi dan sebagainya," katanya.




HARIAN METRO
Tarikh: 22 FEB 2024

Hm 22/2

**RP4 RANCANGAN MALAYSIA KE-12**

# Selangor laksana 564 projek, program pembangunan

**Shah Alam:** Sebanyak 564 projek dan program pembangunan yang seimbang serta lestari akan dilaksanakan di Selangor di bawah *Rolling Plan* ke-4 (RP4) Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM3.41 bilion tahun ini.

Pejabat Pembangunan Negeri Selangor, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri dalam kenyataan semalam, memaklumkan daripada jumlah itu 463 merupakan projek baharu, manakala bakinya sebanyak 101 adalah projek sambungan.

Menurut kenyataan itu, RP4 Negeri Selangor juga menumpukan kepada pembangunan 471 projek fizikal (RM2.25 bilion atau 65.8 peratus) membabitkan skop projek utama yang mencakupi kelengkapan, peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan bukan ICT, pembelian bangunan, pembinaan, pengurusan fasiliti, penyenggaraan, perolehan tanah serta penyelidikan.

"Manakala 93 butiran (RM1.17 bilion atau 34.2 peratus) pula merupakan projek bukan fizikal yang diluluskan bagi pembiayaan dana, program ICT, kajian dan program latihan," menurut kenyataan itu.

**"RP4 Negeri Selangor juga menumpukan kepada pembangunan 471 projek fizikal (RM2.25 bilion atau 65.8 peratus) membabitkan skop projek utama yang mencakupi kelengkapan, peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan bukan ICT, pembelian bangunan, pembinaan, pengurusan fasiliti, penyenggaraan, perolehan tanah serta penyelidikan"**

Perkara itu dimaklumkan susulan Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNG) Selangor yang dipengerusikan Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari semalam dan dihadiri semua ketua jabatan di peringkat Persekutuan dan negeri.

Kenyataan itu memaklumkan setakat 13 Februari lalu, Selangor mencapai prestasi perbelanjaan sebanyak 8.39 peratus dan ia melepasi prestasi nasional iaitu 6.03 peratus.

Menurut kenyataan itu, projek dijangka siap tahun ini antaranya pembinaan Pusat Kebangsaan bagi Keselamatan Makanan (NCFS) di Sepang, projek naik taraf Hospital Kajang, Kem Wawasan Negara Tanjung Rhu di Sepang serta pembinaan sekolah baharu 24 bilik darjah dan lain-lain kemudahan Sekolah Kebangsaan (SK) Saujana Putra, Telok Datok, Kuala Langat. - Bernama

HARIAN METRO
Tarikh: 22 FEB 2024

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

# Kerjasama banteras rasuah

## *SPRM, JAN baharui usaha perangi rasuah, tingkat tatakelola agensi kerajaan*

**Putrajaya**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Audit Negara (JAN) terus meningkatkan kerjasama dalam usaha membenteras rasuah serta meningkatkan tatakelola agensi kerajaan.

SPRM dan JAN menerusi kenyataan bersama semalam, memaklumkan kerjasama itu dicapai menerusi satu Nota Kerjasama baharu dimeterai Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki dan Ketua Audit Negara Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi pada majlis diadakan di Ibu Pejabat SPRM, di sini.

"Nota kerjasama baharu ini memberi tumpuan kepada skop kerjasama meliputi aspek program perkongsian maklumat dan pengetahuan serta latihan antara Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dan Akademi Audit Negara (AAN).

"Instrumen kerjasama dinyatakan itu penting untuk mengukuhkan kerjasama dua hala dan persefahaman lebih relevan supaya usaha pembangunan modal insan pegawai dan pembanterasan rasuah termasuk perihal tatakelola agensi kerajaan dapat dipertingkatkan dengan berkesan," menurut kenyataan itu yang turut memaklumkan nota itu bagi memperbaharui bentuk kerjasama dimeterai sejak 2012.

Sementara itu, Azam dalam ucapan berkata, kerjasama berkenaan memberi impak tinggi terutama untuk membantu SPRM dalam menyokong usaha kerajaan ke arah negara yang berintegriti dan bebas rasuah.

"Ini menggambarkan komitmen tidak berbelah bahagi daripada JAN untuk membantu SPRM dalam memerangi jenayah rasuah bagi memperbaiki tatakelola pentadbiran, selain dapat mengenal pasti dan membantu mengurangkan ketirisan dalam pentadbiran negara.

"SPRM terus mengorak langkah dengan penuh komitmen dan konsisten untuk membanteras amalan rasuah dalam sistem perolehan kerajaan, mengelak daripada ketirisan dan memastikan perolehan kerajaan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan ditetapkan," katanya.

Menurut Azam, SPRM dan JAN melaksanakan perkongsian maklumat secara berterusan bagi mengukuhkan pembabitan kedua-dua pihak dalam pengesanan awal segala bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang boleh menjejaskan imej kerajaan, mengancam kesejahteraan masyarakat, melunturkan nilai integriti, menghalang perkembangan dan pembangunan sosial, ekonomi serta politik negara.

Sementara itu, Ketua Audit Negara Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi ketika berucap berharap nota kerjasama itu memperkukuh jaringan kerjasama dua hala kedua-dua institusi kerana masing-masing mempunyai hubungan, peranan dan tanggungjawab saling berkait.

"Latihan bersama dirangka dan dilaksanakan AAN dan MACA secara kerjasama bersama dalam usaha meningkatkan kompetensi dan kepakaran pegawai kedua-dua pihak secara berterusan," katanya.

Katanya, kedua-dua pihak boleh bekerjasama membantu pegawai berminat untuk mengambil kelayakan profesional lain berkaitan pengauditan seperti Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA) dan Pemeriksa Fraud Bertauliah (CFE).

Sementara itu, beliau berkata, pemeteraian nota kerjasama membolehkan kerjasama yang wujud diselaraskan secara sistematik antara pihak terbabit.



AZAM dan Wan Suraya menandatangani nota kerjasama pada majlis diadakan di Ibu Pejabat SPRM. - Gambar Facebook JAN

**"Ini menggambarkan komitmen tidak berbelah bahagi daripada JAN untuk membantu SPRM dalam memerangi jenayah rasuah"**

HARIAN METRO
Tarikh: 22 FEB 2024

KOSMO 22/2 (MBDK)

# Lebih 100 tapak sampah haram masih beroperasi di Selangor

**SHAH ALAM** – Kerajaan negeri mengesan lebih 100 tapak pembuangan sampah haram dikesan masih beroperasi di sekitar Selangor setakat ini.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Selangor, Datuk Ng Suee Lim berkata, ini berikutan terdapat sebilangan premis masih menggunakan kontraktor haram bagi menjalankan aktiviti pembuangan sampah tersebut.

"Antara lokasi tapak sampah haram adalah di Klang, Serdang dan Gombak. Justeru, kita mahu pihak berkuasa tempatan (PBT) lebih tegas dalam menangani permasalahan ini.

"Para pengusaha premis turut diberikan amaran agar tidak menggunakan kontraktor yang tidak berdaftar dengan PBT," katanya di sini semalam.

Menurut beliau, pihaknya juga tidak menolak isu pembuangan sampah haram sukar ditangani disebabkan penglibatan sindiket tertentu.

Justeru, kata Suee Lim, beliau akan mencadangkan bagi pindaan undang-undang kecil Majlis Kerajaan Tempatan bagi meningkatkan hukuman kepada penjara sehingga dua tahun kepada pembuang sampah ini.

"Kita beri amaran kepada yang terlibat agar tidak membuang sampah merata-rata termasuk di tapak pelupusan sampah. Kita akan terjah termasuk mengenal pasti mana-mana pemilik tanah yang membenarkan berlakunya aktiviti ini secara tidak langsung," ujarnya.

Mengulas mengenai tapak pelupusan Sungai Serdang, Kapar, beliau menjelaskan sebelum ini Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) telah menjalankan penguatkuasaan enam kali dan menyita lori.

"KDEB Waste Management (KDEBWM) juga telah mengeluarkan 700 tan sampah sejak 2021 namun pembuangan sampah masih tidak selesai dan berlaku kebakaran.

"Berikutan itu, kita telah menyerahkan notis 7A kepada pemilik tanah bagi memastikan kejadian sama tidak berulang atau mereka berdepan dengan tindakan rampasan tanah," katanya.



SUEE LIM (tengah, berbaju putih) ketika meninjau tapak pelupusan sampah haram di Sungai Serdang, Kapar semalam.

KOSMO

Tarikh: 22 FEB 2024




ISMAIL (dua kanan) menyampaikan sumbangan Perkeso kepada Riduan (empat dari kiri) di Kampung Parit 10 Gambut, Sungai Besar semalam.

KOSMO 22/2

# Hanya 505 carum skim suri rumah di Selangor

**SABAK BERNAM** – Hanya lima peratus atau 505 suri rumah di Selangor mencarum dalam Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) setakat ini.

Pengarah Perkeso negeri, Ismail Abi Hashim berkata, jumlah itu masih terlalu rendah berbanding 12,984 pencarum direkodkan sepanjang tahun lalu, sedangkan skim berkenaan diperkenalkan sejak 2022.

"Kita berharap jumlah itu akan meningkat dengan sasaran seramai 30,000 suri rumah layak mendaftar SKSSR tahun ini," katanya pada program penyerahan Skuad Prihatin Perkeso di rumah waris pencarum di Kampung Parit 10 Gambut, Sungai Besar di sini semalam.

Beliau menyerahkan bayaran faedah pengurusan mayat kepada Muhamad Riduan Yahya, 49, suami kepada Allahyarham Asmahwati Yaakob, 44, yang meninggal dunia akibat serangan jantung.

Tambah Ismail, pihaknya membuat pembayaran faedah sebanyak RM46,000 kepada Suri Rumah Berinsurans (SRB) menerusi SKSSR tahun lalu.

"Jumlah itu dianggap rendah kerana masih ramai yang layak di tidak mencarum skim itu.

"Suri rumah warganegara termasuk mereka yang bekerja dan belum mencapai usia 55 tahun layak mencarum dengan hanya perlu membayar RM120 setahun," ujarnya.

KOSMO
Tarikh: 22 FEB 2024

# Syor naikkan OPR perkukuh nilai ringgit tak bantu rakyat

BH 22/2

## Menteri Kewangan II, Gabenor BNM teliti prestasi nilai mata wang semakin merosot

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Sebarang cadangan menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi memperkukuhkan nilai ringgit ketika ini, akan memberi kesan langsung kepada rakyat.

Biarpun isu nilai ringgit tidak dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet semalam, Menteri Komunikasi selaku Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil, turut berpandangan cadangan itu tidak akan membantu rakyat pada masa ini.

"Saya ambil maklum ada sesetengah pihak beri komen, saya tak pasti, sama ada pihak tertentu ini mahu Bank Negara menaikkan OPR kerana saya jangka itu bukan satu perkara yang akan membantu rakyat pada waktu ini.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) juga sudah menyatakan perkiraannya (sebelum ini), sekiranya OPR dinaikkan, kadar faedah lebih tinggi, tapi kesannya (adalah) kepada rakyat," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai prestasi ringgit yang nilainya semakin merosot berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Mengulas lanjut, Fahmi berkata, walaupun tidak dibincangkan pada mesyuarat Jemaah Menteri, Menteri Kewangan II dan Gabenor BNM ada meneliti isu terbabit.

### Unjur nilai ringgit mengukuh

Malah katanya, berdasarkan kenyataan Gabenor BNM sebelum ini, ramai penganalisis mengunjurkan nilai ringgit akan mengukuh tahun ini.

"Ada beberapa faktor disebut Gabenor BNM dan Menteri Kewangan II dan ada dalam kawalan kita seperti eksport yang boleh kita percepatkan prosesnya secara dalaman.

"Malah, proses perniagaan boleh dipercepatkan yang membolehkan lebih banyak pelaburan diluluskan untuk mula digerakkan, jadi inilah perkara yang disebut sebelum ini," katanya.

Mengenai isu peletakan jawatan beberapa pegawai pengurusan kanan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Fahmi berkata, Jemaah Menteri tidak menerima makluman berhubung perkara itu.

Katanya, isu terbabit juga tidak dibincangkan pada mesyuarat Jemaah Menteri semalam.

"Kami belum menerima pemakluman terkini, apakah statusnya, tetapi saya percaya Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan ada meneliti perkara ini. Sekiranya ada pemakluman nanti, akan diumumkan kemudian," katanya.



"Ada beberapa faktor disebut Gabenor BNM dan Menteri Kewangan II dan ada dalam kawalan kita seperti eksport yang boleh kita percepatkan prosesnya secara dalaman"

*Fahmi Fadzil,*
*Menteri Komunikasi selaku Jurucakap Kerajaan Perpaduan*

*Fahmi pada sidang media pasca mesyuarat Kabinet di Putrajaya, semalam.* (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Sebelum ini, media melaporkan tiga pegawai kanan pengurusan LTAT meletakkan jawatan mereka sejak sebulan lalu dalam tabung persaraan untuk 120,000 anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) itu.

Ia membabitkan peletakan jawatan oleh Pengerusinya, Jeneral (B) Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor; Ketua Eksekutif, Datuk Ahmad Nazim Abd Rahman dan Pengarah Kanan Strategi, Dayana Rogayah Omar.

### Bincang JSSEZ

Dalam perkembangan berasingan, Fahmi berkata, satu mesyuarat khas bagi membincangkan perkara dasar berkaitan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JSSEZ) akan diadakan antara Kerajaan Persekutuan dan Johor pada 28 Februari ini.

Beliau berkata, mesyuarat itu antara lain bagi membolehkan penyelarasan menyeluruh dilaksanakan yang turut membabitkan beberapa kementerian.

Katanya, antara kementerian yang terbabit Kementerian Pengangkutan; kementerian Kewangan (MOF); Kementerian Ekonomi; Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA).

"Ini adalah usaha kerajaan untuk mempercepatkan perbincangan mengenai zon khas itu supaya ia dapat dipercepatkan penubuhannya," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh 22 FEB 2024

# KPKT sasar bina 100 Taman Rekreasi MADANI

BH 22/2

**Putrajaya:** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sasar membina 100 Taman Rekreasi MADANI pada tahun ini di seluruh negara, kata menterinya, Nga Kor Ming.

Dalam kenyataan semalam beliau berkata, inisiatif pembinaan taman itu diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Panel of Experts (POE) KPKT Bilangan 1 Tahun 2024, yang dipengerusikannya kelmarin.

Dalam sektor perbandaran mampan, KPKT menyasarkan membina 100 kawasan hijau awam di seluruh negara pada 2024, dengan peruntukan RM50 juta.

"Sasaran ini membabitkan kerjasama merentasi jabatan yang mana Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Jabatan Landskap Negara (JLN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memainkan peranan penting dalam pelaksanaan inisiatif terbabit," katanya.

Berdasarkan statistik 2022, Malaysia mempunyai seluas 23,433 hektar kawasan lapang yang berpotensi menjadikan kawasan hijau awam.

Sehubungan itu, Kor Ming berkata, KPKT dalam proses mempercepatkan proses pewartaan kawasan lapang bagi memastikan kawasan lapang sedia ada tidak ditukar guna.

BERNAMA



Nga Kor Ming

BERITA HARIAN
Tarikh 22 FEB 2024

# Bersama membina Gagasan 100 Tahun Malaysia Merdeka

BH 22/2



Profesor Madya Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)


Oleh Datuk Dr Shamrahayu A Aziz
bhrencana@bh.com.my


**Malaysia** bakal menjejaki usia 100 tahun atau satu abad dalam masa lebih kurang 33 tahun sahaja lagi. Perhitungan ini dibuat berdasarkan mulai usia Tanah Melayu bebas atau merdeka daripada pentadbiran dan penjajahan kuasa asing sejak 31 Ogos 1957.

Mungkin ada yang beranggapan Malaysia masih mempunyai banyak masa, namun pengalaman negara yang pernah membuat Wawasan 2020, iaitu pada ketika Malaysia berusia 33 tahun perlu menjadi pengajaran untuk kita. Tempoh 33 tahun tidak harus dianggap 'jauh lagi'.

Sedar atau tidak, pemimpin negara pada ketika Malaysia berusia 100 tahun kini sedang berada di universiti atau pusat pendidikan tinggi. Mereka bukan masih di bangku sekolah rendah atau menengah. Dalam masa 33 tahun ini apakah gagasan kita untuk menyambut usia 100 tahun atau seabad usia Malaysia.

Usia satu abad adalah satu rentang masa penting. Kita harus bersedia menghadapinya dengan gagasan jelas yang boleh dipanggil Gagasan 100 Tahun Malaysia Merdeka (G100MM).

Perkataan gagasan yang biasa digunakan merujuk kepada dasar bagi pembentukan pandangan atau hujahan lebih lanjut. Maka, satu fikiran, konsep atau idea dan perencanaan apa akan dilakukan serta hendak dicapai Malaysia apabila menjangkau usia 100 tahun.

Gagasan ini amat memerlukan kebijaksanaan dan keluhuran jiwa setiap lapisan pemimpin serta usaha gigih semua pihak, bermula dengan pemimpin rumah tangga, komuniti dan masyarakat seterusnya pemimpin negeri serta negara.

Dari segi material, angka 100 mewakili kekayaan dan kemakmuran, yang mungkin datang melalui kerja keras. Walaupun begitu 100 tahun boleh memberikan tanda kegagalan apabila kita tidak dapat mencapai cita-cita dalam masa itu.

## Realisasi potensi penuh

Justeru, 100 tahun boleh mewujudkan hasil positif atau negatif bergantung kepada persediaan kita. Tempoh 100 tahun memberikan peluang penting merealisasikan potensi penuh kita.

Usia 100 tahun memberi erti penting bagi sebuah negara kerana dalam waktu itu, banyak perubahan politik, ekonomi, sosial dan budaya boleh berlaku.

Ini memberikan kesempatan bagi negara untuk mengalami perkembangan, belajar dari masa lalu dan mengukur pencapaian jangka panjang.

Satu abad juga sepatutnya memberi peluang kepada Malaysia untuk beradaptasi dengan perubahan memungkinkan pemindahan nilai dan tradisi daripada satu generasi ke generasi.

Tempoh waktu 100 tahun dapat menjadi tonggak penting dalam evolusi peradaban, memungkinkan penggantian kepemimpinan, perkembangan teknologi dan transformasi sosial. Soalnya adakah tradisi dan warisan masih mampu kekal dalam pemindahan ini.

Dalam masa 100 tahun, warga Malaysia menghadapi perubahan signifikan dalam struktur politik, budaya atau ekonomi membentuk identiti negara segi rohani, jasmani dan emosi. Tempoh 100 tahun memberikan banyak pelajaran bukan sahaja kehidupan, tetapi bagaimana hendak hidup dengan bijaksana dalam semua perkara.

Ia menjadi peringatan mengenai hidup masa kini dan masa hadapan bagi menjadikan kehidupan warga lebih berhati-hati dalam pemikiran dan tindakan untuk terus berusaha mencapai keseimbangan dalam semua bidang kehidupan, termasuk duniawi dan ukhrawi.

Kepentingan untuk kita berbicara mengenai gagasan ini ialah untuk semua bersedia mendepani apa juga pencapaian atau cabarannya nanti. Apa yang penting rakyat perlu bersama-sama memperkukuh institusi penting dan warisan negara pada usia Malaysia 100 tahun nanti.




BERITA HARIAN
22 FEB 2024
Tarikh.........................




# Tidak perlu naikkan OPR tangani kelemahan ringgit

BH 22/2

## Kerajaan perlu struktur semula ekonomi secara konsisten bagi menarik pelabur asing

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

**Tiada** keperluan untuk menaikkan penanda kadar faedah tempatan sebagai langkah segera untuk menangani kelemahan ringgit ketika ini, kata penganalisis.

Sebaliknya, menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) dilihat hanya akan memburukkan keadaan berikutan kos pembiayaan menjadi makin mahal dan boleh membantutkan pertumbuhan ekonomi negara.

Pergerakan ringgit yang lemah berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dan mata wang serantau ketika ini tidak dapat dielakkan memandangkan ia dipengaruhi oleh faktor luaran dan ia di luar kawalan.

Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata buat masa ini, ringgit berdepan sentimen yang lemah berikutan langkah People Bank of China (PBoC) mengurangkan kadar faedahnya dan kebarangkalian kadar faedah AS dikurangkan pada Mac adalah tipis, sekali gus menyokong dolar AS mengukuh.

Justeru, baginya, tiada jaminan dengan menaikkan kadar faedah akan mengukuhkan ringgit pada masa ini.

Lagipun, katanya, dasar Bank Negara Malaysia (BNM) adalah tidak menggunakan OPR bagi mengawal pergerakan ringgit.

Justeru, beliau mencadangkan apa yang boleh dilakukan kini adalah kerajaan menumpukan kepada usaha menstruktur semula ekonomi secara konsisten bagi merangsang keyakinan pelabur asing untuk terus melabur di negara ini.

"Namun, pelaksanaan pembaharuan ekonomi seperti subsidi, liberalisasi industri, penambahbaikan sistem cukai dan pencen antara lain perlu dimaklumkan dengan jelas dan dilaksanakan secara beransur-ansur.

"Ini bagi mengelakkan kekeliruan dan kejutan yang tidak perlu kepada orang ramai. Justeru, ia mengambil masa yang panjang jika kita mahu menangani kelemahan nilai ringgit.

"Jika tidak, kita akan terus memadam kebakaran dan hanya akan memburukkan keadaan apabila dasar dilaksanakan tidak pada kelajuan yang betul dan tidak diselaraskan," katanya kepada *BH*.

### Buat tindakan bersama

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, pula berpendapat, bagi mengukuhkan nilai ringgit, koordinasi dan kerjasama pada peringkat kerajaan sangat penting untuk membuat tindakan bersama bagi menyokong ringgit.

Beliau mencadangkan penubuhan jawatankuasa dari Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Kewangan, BNM dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) untuk mengambil tindakan terhadap kelemahan ringgit.

Katanya, sebagai contoh hasil eksport negara mesti ditukar kepada ringgit sekurang-kurangnya 80 peratus daripada keseluruhan dan membawa pulang pelaburan dari luar negara dan ditukarkan kepada ringgit bagi mengukuhkan kembali ringgit.

"Seterusnya, mengurangkan import barangan makanan, memberikan insentif harga keluaran tempatan yang lebih murah, mengurangkan cukai korporat daripada 24 peratus bagi menarik pelaburan asing membawa masuk mata wang luar dan memberikan potongan cukai kepada pelaburan domestik bagi pelabur domestik.

"Langkah yang boleh dilakukan lagi ialah menambahkan jumlah perbelanjaan kepada sektor pelancongan supaya lebih ramai pelancong asing melawat dan berbelanja di Malaysia," katanya.

Mengenai ringgit yang lemah berbanding mata wang serantau seperti dolar Singapura, rupiah Indonesia dan baht Thailand, Pensyarah Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan, Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK), Prof Emeritus Dr Barjoyai Bardai, berkata ia berkemungkinan rizab dolar AS negara ini lebih kecil berbanding negara jiran itu.

Beliau berkata, di Thailand, faktor 'dolar pelancong' turut menyokong, sementara di Indonesia pula, jumlah pelaburan asing jangka panjang lebih tinggi berbanding Malaysia.

Manakala, di Singapura, jelasnya, mereka menyimpan dolar AS sebagai rizab.

"Jadi sekarang ini, kerajaan sepatutnya menumpukan kepada bagaimana membangun ekonomi dalam negara untuk memacu ekonomi. Kalau ekonomi kita semakin segar, pelabur asing akan masuk," katanya.

> "Pelaksanaan pembaharuan ekonomi seperti subsidi, liberalisasi industri, penambahbaikan sistem cukai dan pencen antara lain perlu dimaklumkan dengan jelas dan dilaksanakan secara beransur-ansur"



*Mohd Afzanizam Abdul Rashid,*
*Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia*

> "Langkah yang boleh dilakukan ialah menambahkan jumlah perbelanjaan kepada sektor pelancongan supaya ramai pelancong asing berbelanja di Malaysia"



*Aimi Zulhazmi Abdul Rashid,*
*Penganalisis Ekonomi UniKL Business School*

BERITA HARIAN
Tarikh........22 FEB 2024........

# Kuala Lumpur, Bandar untuk Semua

Utusan Malaysia (DBKL)
22 Feb 2024

**KUALA LUMPUR:** Ibu negara Malaysia terus menempa nama dan semakin dikenali di seluruh dunia. Perubahan juga mewarnai wajah Kuala Lumpur yang pesat membangun sebagai pusat tumpuan pekerjaan dan penjana ekonomi negara.

Tidak menghairankan apabila Indeks Bandar Destinasi Global oleh Mastercard seperti dilaporkan laman web Travelness meletakkan Kuala Lumpur pada kedudukan ke-6, iaitu antara bandar yang paling banyak dikunjungi pada 2023.

Justeru, pembangunan Kuala Lumpur memerlukan perancangan rapi agar bandar raya ini terbangun secara holistik, menyantuni keperluan penghuninya, mesra alam dan mampan.

### APA ITU PELAN TEMPATAN KUALA LUMPUR 2040?

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merangka Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL 2040) bagi menggantikan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020).

Draf PTKL2040 merupakan mekanisma perancangan bandar yang mampu mengurus dan mempromosi pembangunan di bandar raya Kuala Lumpur untuk jangkamasa 20 tahun mendatang. Dalam konteks sistem pelan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ia adalah pelengkap kepada Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) di mana hala tuju strategik dan tindakan diterjemahkan dengan lebih spesifik. Dengan perancangan yang komprehensif mampu meletakkan bandar raya Kuala Lumpur setanding dengan bandar-bandar utama dunia yang tersedia dengan pelan pembangunan yang menyeluruh dan inklusif demi kesejahteraan semua lapisan penduduknya sebagai Bandar Untuk Semua.

Draf PTKL2040 adalah *game changer* DBKL untuk merealisasikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya huni. Strategi pembangunan dan inisiatif pelaksanaan yang dirangka adalah bertepatan dengan agenda pembangunan di peringkat global dan nasional. Ia juga mampu laksana, berciri pintar, peka dengan perubahan iklim serta mengaplikasikan teknologi yang inovatif.

Asas penyediaan pelan tempatan ini adalah berdasarkan kepada peruntukan Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan, 1982 (Akta 267), di mana Datuk Bandar bertanggungjawab mengatur, mengawal dan merancang pembangunan Kuala Lumpur dengan intipatinya menterjemah visi dan matlamat yang digariskan dalam PSKL 2040 yang baharu sahaja diwartakan pemakaiannya.

Sebagai sebuah bandar raya yang meletakkan penghuninya sebagai keutamaan, pelbagai sesi libat urus telah diadakan, antaranya Sesi Pra Rundingan bersama semua pihak berkepentingan termasuk persatuan penduduk, pemain industri, ahli akademik serta ahli profesional dalam bidang perancangan bandar dan pembangunan.

Usaha inklusif ini turut disokong melalui siri Sesi Technical Working Group (TWG), Perbincangan Kumpulan Bersasar (FGD) dan kajian soal selidik secara dalam talian atau bersemuka bersama agensi persekutuan dan pihak berkuasa tempatan bersempadanan, operator utiliti serta kumpulan-kumpulan masyarakat dalam menyelaras penterjemahan keperluan semua golongan termasuk golongan rentan.

Kesungguhan ini diperhalusi seterusnya dengan sesi santai Datuk Bandar bersama Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi mendengar sendiri wishlist perancangan pemimpin tempatan seterusnya menyelaras kandungan laporan dengan mengambil kira pandangan awam semasa sesi libat urus PSKL2040 selaras dasar semasa kerajaan dan kerangka Malaysia MADANI.

Maklum balas, perkongsian dan pandangan sepanjang penyediaan Draf PTKL2040 mencerminkan aspirasi DBKL mewujudkan budaya jalinan mesra dan holistik di antara pentadbir serta seluruh.

Usaha komprehensif ini adalah visi pembangunan holistik agar pembangunan di Kuala Lumpur bersifat pelbagai hala dengan PTKL2040 sebagai penghubung hasrat semua pihak.

Inisiatif ini menjadi pemangkin pembangunan menyeluruh dan seimbang yang menggalakkan peluang pelaburan, pekerjaan serta menjadi destinasi pilihan pelancong pada masa akan datang.

Justeru itu, warga kota dipelawa untuk memberikan pandangan dan cadangan terhadap Draf PTKL2040 bagi memastikan hasrat semua pihak diambil kira serta diterjemahkan dalam kerangka yang bersesuaian selaras dengan hala tuju bandar raya Kuala Lumpur. Warga kota juga dijemput untuk menghadiri sesi taklimat pemahaman Draf PTKL2040 yang dijalankan dalam tempoh pameran. Warga kota boleh mengemukakan pandangan dan cadangan serta mendapatkan maklumat berkenaan sesi taklimat di laman web Pelan Pembangunan Kuala Lumpur (PPKL) melalui pautan https://ppkl.dbkl.gov.my.




## KANDUNGAN PTKL 2040

Kerangka Dokumen Draf PTKL 2040 merangkumi aspek keperluan dan perancangan meliputi segenap sektor dengan mengambil kira keperluan semasa dan akan datang. Draf ini mengandungi dua jilid dengan tumpuan khusus pada setiap bahagian:



**JILID 1 BAHAGIAN 1**

Kawalan Pembangunan mendefinisi tafsiran setiap zon guna tanah, bentuk kawalan intensiti, lapisan kawasan perancangan serta insentif pembangunan.



**JILID 1 BAHAGIAN 2**

Peta Zon Guna Tanah dan Intensiti setiap lot tanah disamping lapisan kawasan perancangan berkaitan.



**JILID 1 BAHAGIAN 3**

Memperinci aspek berkaitan kelas kegunaan tanah dan bangunan dengan aktiviti dibenarkan bersyarat atau tidak mengikut zon guna tanah ditetapkan.



**JILID 2**

Menterjemah 6 matlamat PSKL2040 dengan tumpuan kepada cadangan pembangunan bandar melalui polisi, program, projek, kawalan perancangan dan garis panduan serta menjadi asas perincian kawalan perancangan dalam Jilid 1.

## 4 INSENTIF NISBAH PLOT

1. Zon Perancangan Transit (TPZ)
2. Cantuman Lot
3. Pembangunan Semula
4. Pembangunan dengan Komponen Mampu Milik

## 7 LAPISAN KAWALAN PERANCANGAN MELIPUTI:

1. Lapisan Kawalan Perancangan bagi Nisbah Plot Pelan Susun Atur
2. Lapisan Kawalan Perancangan bagi Koridor Tepian Sungai, Tasik dan Kolam
3. Lapisan Kawalan Perancangan bagi Kawasan atau Bangunan Warisan
4. Lapisan Kawalan Perancangan bagi Zon Kawalan Ketinggian Sekitar Istana Negara
5. Lapisan Kawalan Perancangan bagi Garisan Visual Ke Arah Mercu Tanda
6. Lapisan Kawalan Perancangan bagi Kawasan Lapang Awam Dalam Skim Persendirian (OS4)
7. Lapisan Kawalan Perancangan bagi Kawasan Lapang Awam Dalam Skim

## DRAF PTKL 2024

### GUNA TANAH PTKL 2024

Klasifikasi Guna Tanah Utama
**10**

Zon Guna Tanah
**25**

Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan
**67**

### KELAS KEGUNAAN TANAH DAN BANGUNAN 2024 (CULB2024)

Jadual Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan Umum (CULB UMUM)
**25**
(CULB UMUM)

Jadual Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan Khas (CULB KHAS)
**09**
(CULB KHAS KAWASAN)
**25**
(CULB KHAS KAMPUNG)


UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 22 FEB 2024

# Ringgit: DPMM mahu tahu apa rancangan kerajaan

UM 22/2




**KEJATUHAN** berterusan ringgit menggusarkan golongan peniaga khususnya yang terlibat dalam import. – GAMBAR HIASAN

**PETALING JAYA:** "Kami sedang menunggu apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan (untuk membendung kejatuhan ringgit) selepas pengumuman Gabenor BNM."

Demikian ditegaskan oleh Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Norsyahrin Hamidon yang mahu kerajaan mengambil langkah drastik untuk membendung kejatuhan mata wang negara itu.

"Kami mahu tahu apa rancangan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) kepada kami (peniaga) yang terkesan (dengan kejatuhan ringgit)," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Pada masa yang sama, beliau mengingatkan ahli-ahli DPMM agar sentiasa peka dan berhati-hati dengan keadaan ekonomi semasa.

"Sekiranya hendak menjalankan aktiviti import, perlu bersedia dengan keadaan semasa. Jika boleh, semak sebarang pembelian di luar negara," katanya.

Semalam, ringgit mengakhiri dagangan tinggi sedikit berbanding sebelah pagi untuk ditutup pada 4.7975/4.8020 berbanding dolar AS daripada 4.7975/7900 kelmarin. Ringgit bagaimanapun kekal rendah berbanding dolar Singapura untuk ditutup pada 3.5692/5725 berbanding 3.5649/5570 kelmarin.

Sementara itu, Presiden Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Samenta) Malaysia, Willian Ng berkata, BNM perlu mengambil tindakan untuk mengatasi kejatuhan berterusan ringgit, bukan sekadar mengeluarkan kenyataan sedemikian.

Dalam ulasan mengenai kejatuhan ringgit kelmarin, Gabenor BNM, Datuk Shaik Abdul Rasheed Ghaffour menjelaskan, paras ringgit baru-baru ini tidak mencerminkan 'prospek positif' ekonomi Malaysia di masa akan datang.

Beliau menjelaskan, penurunan ringgit baru-baru ini sama seperti mata wang serantau lain yang telah dipengaruhi faktor-faktor luaran.

Antara faktor itu termasuk pelarasan pasaran kepada jangkaan kadar faedah Amerika Syarikat (AS) yang berubah-ubah, kebimbangan geopolitik dan ketidakpastian berkaitan dengan prospek ekonomi China.

Willian berkata, kenyataan BNM itu tidak cukup dan ia tidak dapat mengatasi kejatuhan berterusan ringgit, yang perlu kepada tindakan proaktif.

Dalam konteks itu, beliau menggesa BNM mewajibkan pengekspot terutamanya syarikat milik kerajaan (GLC) untuk menukar simpanan mereka dalam mata wang asing kepada ringgit.

"Langkah lebih agresif itu bertujuan menghentikan kejatuhan ringgit dengan meningkatkan permintaan di pasaran dalam negara dan menyokong lindung nilai ringgit," katanya.

Tambah William, kejatuhan ringgit memberi tekanan kepada Perusahaan-Mikro, kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan terutama mereka yang terlibat dalam import bahan mentah.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 22 FEB 2024

# Diarah pulih tapak lupus sampah

UM 22/2

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL
athir.ismail@mediamulia.com.my

**KLANG:** Pemilik kawasan seluas hampir empat hektar dekat Batu 14, Kapar di sini yang menjadikannya sebagai tapak pelupusan sampah haram diberikan Notis 7A Aktā Perancangan Bandar dan Desa 1976 supaya memulihkan tanah mereka kepada keadaan asal.

Antara pemilik tanah tersebut termasuk Sime Darby Plantation Berhad dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) apabila dijadikan tapak pelupusan sisa industri seperti plastik dan kabel yang mengganggu kehidupan penduduk sekitar kerana kerap berlaku kebakaran.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Kerajaan Tempatan Selangor, Datuk Ng Suee Lim berkata, masalah tersebut dikesan pihak berkuasa pada 2021, namun ketika itu longgokan sudah pun terlalu banyak sebelum sekatan pada laluan masuk ke kawasan berkenaan dibuat.

"Kawasan tersebut seluas dua hingga empat hektar mengandungi lima lot tanah individu termasuk TNB dan Sime Darby Plantation. Sisa-sisa yang dibuang seperti kabel, plastik barang-barang daripada industri dan sekarang kita berjaya kawal.

"Tapi isu yang masih belum dapat diatasi adalah kebakaran. Mereka bakar dan sebagainya dan sekarang masuk musim cuaca panas, jadi ia akan terbakar dengan lebih kerap," katanya selepas meninjau tapak tersebut, semalam.

Beliau menambah, kewujudan tapak tersebut menyebabkan kerajaan negeri terpaksa menanggung kos apabila pada tahun lalu lebih 700 tan sampah dikeluarkan dari situ dengan bantuan KDEB Waste Management Sdn. Bhd.

Sebelum ini *Utusan Malaysia* melaporkan tapak pelupusan sampah terletak berdekatan Kampung Jalan Suara berhampiran Kampung Sungai Serdang itu dianggap sebagai terbesar di Asia Tenggara oleh pemerhati alam sekitar dari Jerman.

Malah, turut dilaporkan lebih 300,000 penduduk berhampiran Batu 14 di sini dibelenggu derita akibat menghidu asap busuk dari sebuah tapak pelupusan sampah haram di kawasan itu yang dianggap seperti 'gunung' sejak 10 tahun lalu.



NG Suee Lim bersama wakil agensi kerajaan negeri dan wakil penduduk meninjau tapak pelupusan sampah haram seluas hampir empat hektar dekat Batu 14, Kapar di Klang, semalam.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 22 FEB 2024

# Program Madani Rakyat Zon Tengah usaha dekati rakyat

um 22/2

MUHAMMAD AKMAL IKRAM KAMARUL ZAMAN

PADA 8 hingga 10 Disember 2023 lalu, bertempat di Pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur telah berlangsung dengan gilang-gemilangnya Program Setahun Bersama Kerajaan Madani (SBKM) yang dikelolakan secara bersama oleh Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Pelbagai maklum balas diberikan oleh seluruh lapisan rakyat menyatakan mereka amat berpuas hati dengan pelaksanaan program ini. Ia berjaya meningkatkan kesedaran dan kefahaman rakyat terhadap hala tuju dan matlamat kerajaan serta membina kepercayaan dan keyakinan antara kerajaan dengan rakyat.

Melalui program SBKM ini, bukan sahaja dasar dan inisiatif baharu kerajaan berjaya dipromosikan dengan berkesan tetapi juga menyediakan perkhidmatan secara langsung kepada rakyat, sesi libat urus kementerian-kementerian bersama rakyat, pameran pencapaian semua kementerian berserta perancangan jangka masa panjang kerajaan.

Dengan kehadiran seramai lebih 230,000 pengunjung, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan persetujuan kerajaan untuk memperluaskan program ini ke negeri-negeri bagi membolehkan rakyat di seluruh ceruk rantau diberikan ruang untuk menyertainya serta menyatakan cadangan serta pandangan mereka.

**ZON TENGAH**

Selaras dengan janji Perdana Menteri ini maka pada 23 hingga 25 Februari ini akan berlangsung Program Madani Rakyat Zon Tengah (MRZT) di Kompleks Sukan Kuala Selangor bagi merintis perluasan ke negeri-negeri dalam usaha mendekatkan rakyat dengan kerajaan, khusus untuk rakyat Selangor, Perak, Kuala Lumpur dan Putrajaya.




**KEJAYAAN** Program Setahun Bersama Kerajaan Madani (SBKM) pada Disember tahun lalu diperluaskan dengan penganjuran Program Madani Rakyat Zon Tengah (MRZT) di Kompleks Sukan Kuala Selangor pada 23 hingga 25 Februari ini. – UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Program MRZT ini kemudiannya akan diperluaskan lagi ke negeri-negeri lain di seluruh Malaysia bermula dengan Zon Utara di Pulau Pinang pada 26 hingga 28 April, Zon Timur di Pahang pada 28-30 Jun, Zon Selatan di Johor pada 25 hingga 27 Julai seterusnya di Sabah (27-29 September) dan di Sarawak (18-20 Oktober).

Untuk program MRZT ini, selain PACU selaku pelaksana utamanya, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) turut menjadi penganjur dan Kerajaan Selangor selaku tuan rumah dengan majlis penutupannya dijadual disempurnakan oleh Perdana Menteri pada 25 Februari.

Kali ini sebanyak 34 reruai kementerian dan agensi serta 163 perkhidmatan *touchpoint* rakyat disediakan di mana 121 perkhidmatan adalah dari agensi Persekutuan manakala 42 adalah dari agensi negeri. Selain itu, 31 usahawan terlibat dalam Jualan Agro dan Madani, 20 majikan terlibat dengan Karnival Kerjaya dan empat agensi terlibat dalam pameran aset kerajaan.

Dalam aspek kesejahteraan rakyat, terdapat kaunter semakan, rayuan atau pendaftaran seperti bagi Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA), i-Suri, i-Sayang, eKasih, Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR), MySynergy, bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan bantuan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).

Dalam aspek Perkhidmatan Bergerak, terdapat perkhidmatan permohonan kad pengenalan dan sijil kelahiran/kematian, pembaharuan lesen memandu (LMM) dan lesen kenderaan motor (LKM), pembayaran saman, pemeriksaan motosikal tamat tempoh melebihi tiga tahun, program pertukaran topi keledar dan pendaftaran lesen memandu.

Selainnya ialah seperti kaunter semakan saman trafik dan pengurangan saman trafik dan sebagainya. Turut diadakan pemeriksaan pergigian dan perkhidmatan derma darah.

KPKM akan membuka pavilion khusus bagi menyediakan khidmat nasihat secara terus kepada pengunjung berkaitan pertanian dan keterjaminan makanan selain menyediakan zoo mini haiwan jinak sebagai tarikan kanak-kanak.

Melalui program ini juga, KPKM akan mengadakan Jualan Agro dan Madani sebagai satu intervensi untuk mengukuhkan rantaian bekalan makanan selain menangani kos sara hidup rakyat dengan membolehkan pengeluar memasarkan produk terus kepada pengguna dengan penawaran harga yang lebih munasabah melalui diskaun antara 10 hingga 30 peratus.

Jualan Agro dan Madani ini antara lainnya akan menawarkan 5,000 kampit beras, 1,000 ekor ayam bulat, lebih 300 kilogram hasil laut seperti udang dan ikan serta lima tan buah-buahan kepada para pengunjung selain menawarkan pelbagai barangan keperluan harian lain pada harga yang berpatutan, termasuk kombo bakul jualan serendah RM10.

KPKM juga akan menawarkan Geran Agropreneur Muda pada program berkenaan di mana inisiatif ini akan memberi peluang kepada generasi muda berumur 18 hingga 40 tahun memohon geran berkenaan bagi menggalakkan penglibatan mereka dalam bidang keusahawanan agro berasaskan semua aktiviti di sepanjang rantaian nilai sektor pertanian.

Turut akan diteruskan ialah Karnival Kerjaya yang pada kali ini Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan menyediakan sebanyak 2,000 peluang pekerjaan kepada pengunjung yang hadir dengan 30 peratus daripada jawatan kosong yang ditawarkan disasarkan untuk diisi terus. Turut disediakan ialah pameran kerjaya, sesi kaunseling kerjaya dan *pocket talk* kerjaya.

Program advokasi dan promosi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) juga akan dilangsungkan dengan Sekretariat Majlis TVET Negara akan mempromosi UP-TVET, Portal TVET Madani, Kerangka Dasar TVET Negara dan Pertandingan Kemahiran Malaysia. Selainnya ialah promosi program TVET di beberapa kementerian dan agensi kerajaan lain.

Sementara Jabatan Wilayah Persekutuan akan membuka permohonan bagi projek perumahan mampu milik dengan membawa tiga daripada enam inisiatif di bawah Program Usaha Jaya Insan (PUJI) antaranya Infra@PUJI yang menawarkan rumah mampu milik di bawah RM300,000.

Di peringkat Kerajaan Selangor pula, ia akan mengetengahkan 31 program Iltizam Selangor Penyayang kepada pengunjung.

Di peringkat Kerajaan Perak pula telah mengatur beberapa program untuk mempromosi agenda pembangunan Perak Sejahtera 2030 dan Tahun Melawat Perak (TMP) 2024, termasuk mempromosi sistem myPATIL iaitu sistem lesen premis perniagaan digital serta jualan produk usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) yang mencerminkan identiti negeri itu.

Ringkasnya, Program MRZT menyediakan segala macam perkhidmatan dan kemudahan. Oleh itu, seluruh rakyat Zon Tengah seharusnya tidak melepaskan peluang untuk hadir beramai-ramai mengunjunginya.

Sesungguhnya Program MRZT dan Program Madani Rakyat Zon-Zon lain adalah bukti keseriusan kerajaan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.

PENULIS ialah Pegawai Tadbir (MySTEP) di Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU).

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 22 FEB 2024

# Installation of home solar panels on the rise

22/12 sun

**SEPANG:** The installation of solar panels at residential areas nationwide has shown a positive trend, said Deputy Energy Transition and Water Transformation Minister Akmal Nasrullah Mohd Nasir.

Without disclosing further details, he said this positive trend has prompted the government to open up quota applications for homeowners to instal solar panels in their residences this year via the Net Energy Metering (NEM) Programme.

"At the government level, we see an increasing trend among homeowners using solar systems (at present)," he told reporters after launching the solar system at the Movenpick Hotel & Convention Centre KLIA last week.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof had previously stated that the NEM programme will continue with an additional quota offer of 100 megawatts (MW) for NEM People and 300MW for NEM Nova, as part of the Integrated Clean Energy programme implementation initiative for this year.

Fadillah, who is also Minister of Energy Transition and Water Transformation said the quota offer period is set until December 2024 or until the quota is fully allocated, whichever comes first, and applications can be made starting Feb 5 via the eNEM system on the Sustainable Energy Development Authority website www.seda.gov.my.

The NEM programme will enable at least 25,000 domestic electricity consumers and 100 users in commercial and industrial categories to utilise roof space on their premises for electricity generation for self-consumption through the installation of photovoltaic solar systems.

Regarding the effort to instal solar systems at the Movenpick Hotel & Convention Centre KLIA, Akmal Nasrullah said it is a positive development, especially for the hospitality industry.

"We welcome industries such as the hospitality industry taking the initiative to ensure the use of renewable energy in their premises.

It symbolizes the potential for the hospitality industry to embrace solar systems, paving the way for future opportunities," he said. – Bernama

THE SUN
Tarikh: 22 FEB 2024

# Joint effort to combat corruption

**PUTRAJAYA:** The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) and the National Audit Department (NAD) will step up cooperation in the fight against corruption and improve the governance of government agencies.

MACC and NAD said in a joint statement the collaboration was sealed via a new Note of Cooperation signed by MACC chief commissioner and Auditor-General Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi in a ceremony held at the MACC headquarters on Tuesday.

"This new cooperation note focuses on the scope of cooperation covering aspects of the information and knowledge sharing programmes and training between the Malaysian Anti-Corruption Academy (MACA) and the National Audit Academy (NAA).

"(This) states the importance to strengthen bilateral cooperation and understanding so that efforts to develop the human capital of officials and the eradication of corruption, including the governance of government agencies, can be effectively improved."

Azam Baki said the move will have a high impact, especially to help MACC in supporting the government's efforts towards "a country with integrity and free from corruption".

"This reflects NAD's commitment to assist MACC in fighting corruption and improve administrative governance, apart from identifying and helping to reduce leakage.

"MACC will continue to take steps with full commitment and consistency to eradicate corrupt practices in the government procurement system, avoid leakage and ensure government procurement is carried out in accordance with laws and regulations."

According to him, MACC and NAD will carry out continuous information sharing to strengthen the involvement of both parties in the early detection of all forms of corruption, abuse of power and malpractice that can affect the image of the government, threaten well-being of the community, weaken values of integrity, and hinder development of social, economic and political development.

Wan Suraya expressed hope the move would strengthen the bilateral cooperation network of the two institutions.

"Joint training will be designed and implemented by NAA and MACA to continuously improve the competence and expertise of officers of both parties," she said. – Bernama

THE SUN
Tarikh: 22 FEB 2024

art exhibitions nationwide as well as their works. the KLCC. enjoyment in the process," he said. – Bernama

# RM3.4 billion Selangor projects to be implemented this year

**SHAH ALAM:** A total of 564 balanced and sustainable development projects will be implemented this year in Selangor under the Fourth Rolling Plan (RP4) of the 12th Malaysia Plan (12MP), with a total allocation of RM3.41 billion.

The Selangor State Development Office, under the Implementation Coordination Unit of the Prime Minister's Department, said in a statement of the total, 463 are new projects while 101 are extension projects.

The Selangor RP4 focused on the development of 471 physical projects (RM2.25 billion or 65.8%) involving the main project scope, including equipment, information as well as communication technology (ICT) and non-ICT equipment, purchase of buildings, construction, facility management, maintenance, land acquisition and research.

"Meanwhile, 93 projects (RM1.17 billion or 34.2%) are non-physical projects approved for fund financing, ICT programmes, research and training programmes."

This was made known following the Selangor State Development Action Council meeting chaired by Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari on Tuesday.

The statement said as of Feb 13, Selangor had achieved an expenditure performance of 8.39%, and it surpassed the national performance of 6.03%.

Projects expected to be completed this year include the construction of the National Centre for Food Safety in Sepang, the upgrading project for the Kajang Hospital, Kem Wawasan Negara Tanjung Rhu in Sepang as well as the construction of a new 24-classroom school and other facilities at Sekolah Kebangsaan (SK) Saujana Putra, in Telok Datok, Kuala Langat.

Other matters included the performance of RP3 of the 12MP in Selangor, which recorded that 99.65% or a total of RM6.78 billion had been spent from the RM6.81 billion allocated for last year.

The expenditure is for 31.1% or 179 projects, which have been completed and implemented, including upgrading works of the intensive care unit of Tengku Ampuan Rahimah Hospital in Klang, and the construction of SK Ulu Yam Lama in Batang Kali using the industrialised building system.

The project to replace and widen a bridge over Sungai Batang Kali in Hulu Selangor and the construction of a new 42-classroom school and other facilities at Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Saujana Utama (2), Kuala Selangor were also completed.

Selangor also implemented upgrading and minor maintenance projects in 753 schools under the Education Ministry, involving an allocation of RM52.71 million, which were all completed in November last year. – Bernama

THE SUN
Tarikh: 22 FEB 2024

BY ALLEN WONG
newsdesk@thesundaily.com

# Cost-saving ways to keep cool

Experts suggest natural options to reduce indoor temperature during current hot weather

**PETALING JAYA:** As the annual hot season returns with temperatures soaring up to 37°C, a university professor has proposed a natural and energy-saving method to keep homes cool.

University Putra Malaysia Assoc Prof Dr Suriati Paiman said a natural way to reduce indoor temperature is by using a "labu sayong" (calabash), a traditional water jug made of clay as an evaporative cooling system.

"An evaporative cooling system converts water into vapour by using thermal energy in the air. The water will then absorb a large amount of heat to evaporate, resulting in lower air temperatures.

"The water in the *labu sayong* is lower than the external temperature due to evaporation from its inner wall surface. Therefore, the evaporative cooling system of a *labu sayong* works by removing latent heat through evaporation," she said, adding that the technique is suitable here due to the hot and humid climate.

Suriati said *labu sayong* can improve indoor thermal comfort while reducing the overall energy consumption of a household.

"Compared with other modern cooling systems such as air-conditioning, *labu sayong* uses no electricity, which addresses the issue of increasing costs while keeping the house cool.

"When combined with mechanical ventilation, the system not only cools the indoor environment, much like air conditioning, but also prevents excessive heat from building up."

"In dry climates, evaporative cooling of air has the added benefit of increasing moisture in the air," she said, adding that people in hot and dry climates with limited access to electricity could also use it to keep perishable food items cool.

Environmental Protection Society Malaysia president Nithi Nesadurai said there are several natural methods for keeping indoor temperatures low without relying heavily on air-conditioning.

"The most cost-friendly and effective method to lower indoor temperature would be to have potted plants within the home.

"Enabling air circulation and cross ventilation would also facilitate cooling. Keeping doors and windows open in the evenings will allow cool air in while keeping them shut during the day can keep hot air out."

For those living in landed properties, he said insulating the roof will prevent heat buildup in the house, since the roof is the main source of heat.

"While this involves some expenditure, this will effectively reduce indoor temperature. Additionally, it is only a one-time expenditure."

Nithi said better building design can also help keep indoor temperatures low instead of creating "heat islands".

"Houses with older designs have ventilation holes at the top of the walls that facilitate airflow. There are also open air-wells in the middle of the house for natural lighting and ventilation," he said, adding that these are seldom seen in modern houses.

He suggested energy-efficient technologies that can assist in naturally cooling indoor spaces to keep energy consumption low.

"When building new houses, use technologies with building designs that permit cross ventilation, roof ventilation and circulation. Other technologies include roof insulation and hollow bricks. Painting external walls white will also help to reflect heat," he said.

He also proposed placing main heat generating appliances such as the television, computer and fridge away from walls to allow air circulation.

"Ideally, these appliances should be switched off and unplugged when not in use. But we can minimise heat by placing it at more strategic locations in the house."

THE SUN
Tarikh: 22 FEB 2024

# Fostering positive workplace culture

COMMENT by Melissa Norman

A POSITIVE workplace culture prioritises the well-being of employees, offers support at all levels within the organisation and encourages respect, trust, empathy and collaboration.

Research has shown that a positive work culture leads to reduced turnover, increased loyalty, better job performance and reduced employee stress.

Strategies to create a positive workplace environment include fostering collaboration, establishing clear values, creating an inclusive environment and investing in employee well-being.

How can organisations and leaders foster this positive workplace culture?

**Establishing shared values and vision**

Leadership plays a crucial role in setting and communicating a clear mission, vision, core values and purpose that resonate with employees.

Engaging the entire workforce in developing these elements encourages a sense of ownership and commitment.

Leaders should lead by example and clearly share how each employee can contribute to the overall mission and vision, emphasising how their work aligns with the organisation's values.

This connection will enhance employees' sense of purpose, motivation and engagement as they understand their place within the organisation and the impact they have on its success.

> "Organisations that cultivate a work environment enabling employees to maintain a healthy work-life balance will have a workforce that is more productive and highly engaged, which in turn will result in lower turnover."

**Encouraging open communication**

To foster open communication in the workplace, leaders should prioritise honesty and respect in all aspects. It is crucial that all feedback is respectfully submitted and received, creating an environment where employees feel empowered to share their thoughts.

Understanding and prioritising employees' goals, implementing regular check-ins and asking for anonymous suggestions are also important steps.

Acting on feedback and measuring the success of the open communication plan are also vital for maintaining a transparent and communicative work environment.

**Celebrating differences by embracing diversity and inclusion**

Organisations that prioritise diversity and inclusion tend to foster a more vibrant and efficient workplace environment. To encourage diversity and inclusion, organisations can implement various strategies, such as holding diversity training programmes, to educate employees on the importance of inclusivity and provide tools to recognise and combat biases.

They can also create affinity groups or employee resource groups, which can offer platforms for underrepresented individuals to connect, share experiences and advocate for inclusive policies.

Implementing diverse hiring practices and ensuring representation at all levels of the organisation will demonstrate a commitment to fostering an inclusive environment.

Encouraging mentorship and sponsorship programmes can also help marginalised employees advance in their careers by providing guidance and support.



Physical offices act as vibrant hubs for collaboration, fostering productive teamwork and cultivating camaraderie and trust among team members. – REUTERSPIC

**Physical workspaces**

The enduring value of physical office spaces is being re-evaluated in today's evolving work landscape.

In the post-pandemic world, where more and more employees are returning to the workplace, the physical office plays a crucial role in fostering a sense of belonging, providing a secure environment and promoting collaboration, social connections and satisfaction. It serves as a nurturing space where employees feel a strong sense of identity and psychological safety.

Additionally, physical offices act as vibrant hubs for collaboration, fostering productive teamwork and cultivating camaraderie and trust among team members.

Face-to-face interactions in these spaces also promote non-verbal communication. Suffice to say, providing comfortable and well-designed workspaces makes sense as it will significantly impact employee well-being and satisfaction.

**Offering work-life balance**

Now, more than ever, maintaining a balance between personal and professional life is a priority for many employees. The Ford Trends 2024 survey found that about half of the global workforce would accept a 20% pay cut in favour of a lifestyle that prioritises their quality of life, while 77% of employees would prioritise a balanced personal life over advancement at work.

Hence, organisations that cultivate a work environment enabling employees to maintain a healthy work-life balance will have a workforce that is more productive and highly engaged, which in turn will result in lower turnover.

In conclusion, fostering a positive workplace culture involves a multifaceted approach that encompasses various elements, including establishing shared values and vision, encouraging open communication, embracing diversity and inclusion, optimising physical workspaces and promoting work-life balance.

By addressing these key areas, organisations can cultivate a positive workplace culture that inspires their team and drives long-term success.

*The writer is the founder and managing director of Aisling Group, an integrated talent solutions company. Comments: letters@thesundaily.com*

THE SUN 22 FEB 2024
Tarikh: